

Terpaksa pindah dua kali

Penduduk Kampung Temai Tengah dipindah dari SK Temai ke IKBN Pekan apabila paras air meningkat

PEKAN - Penduduk Kampung Temai Tengah yang berpindah akibat banjir ke pusat pemindahan Sekolah Kebangsaan (SK) Temai sejak lima hari lalu, terpaksa berpindah sekali lagi, semalam.

Ini kerana paras air semakin meningkat sehingga menenggelamkan tingkat bawah bangunan sekolah itu setinggi lebih lima meter, memaksa kesemua 116 mangsa dari 27 keluarga itu dipindahkan ke Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Pekan seawal jam 9 pagi, semalam.

Pemangku Pengerusi Bencana Daerah Pekan, Mohd Zukri Sidek berkata, langkah tersebut diambil

berikutan peningkatan paras banjir semasa walaupun cuaca cerah.

Menurutnya, tingkat bawah bangunan sekolah itu mula ditenggelami banjir dua hari lepas dan sebarang bantuan terutama bekalan makanan hanya dapat dihantar menggunakan bot.

"Semua mangsa berada dalam bangunan sekolah yang sekelilingnya sudah ditenggelami banjir dan sebagai langkah awal keselamatan, mereka perlu dipindahkan.

"Proses memindahkan mangsa dilakukan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Angkatan Pertahanan Awam (APM) dan

Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

"Mangsa dibawa menaiki bot mengharung sungai sejauh 300 meter sebelum menaiki kenderaan tentera ke pusat pemindahan IKBN Pekan yang jarak hampir 25 kilometer," katanya.

Mohd Zukri berkata, pihaknya akan meneliti semula kesesuaian SK Temai dijadikan pusat pemindahan banjir untuk masa akan datang.

Bagi seluruh daerah Pekan setakat jam 12 tengah hari tadi, seramai 1,122 mangsa banjir dari 294 keluarga masih ditempatkan di 17 pusat pemindahan.



Mangsa banjir di SK Temai dipindahkan ke pusat pemindahan lain selepas tingkat bawah bangunan sekolah itu ditenggelami air.